

### 3. BAB III:

## PROGRAM BINA SAHSIAH BELIA JABATAN BELIA DAN SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

### 3.1. Pengenalan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### 3.1.1. Sejarah Ringkas Kelahirannya

Penubuhan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ekoran tertubuhnya Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1953. Kementerian ini bermula dengan wujudnya Bahagian Belia di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat pada masa itu. Selepas mencapai kemerdekaan tahun 1957, Bahagian Kebudayaan pula ditubuhkan dibawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran (Arkib Negara Malaysia, 1988: 15-16).

Memandangkan betapa Pentingnya peranan yang dimainkan oleh Bahagian Belia dan Bahagian Kebudayaan dalam konteks pembangunan, kerajaan telah menggabungkan tiga aspek penting iaitu kebudayaan, Belia dan Sukan untuk dikendalikan di bawah satu kementerian yang dinamakan Kementerian Kebudayaan , Belia dan Sukan pada 3 Mei 1964 (*Ibid*).

Pada 20 Mei 1987, Kementerian ini sekali lagi berubah, di mana Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan pula di bawah Portfolio Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kementerian ini kini dikenali sebagai Kementerian Belia dan Sukan Malaysia yang mana di bawah pentadbirannya terdapat lima belas buah Jabatan Belia dan Sukan di seluruh negara. Antaranya ialah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (*Ibid*).

Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diwujudkan sejak tahun 1976 bertempat di Wisma Malaysian Pacific Insurance (MPI), Jalan Raja Chulan Kuala Lumpur. Selepas itu Jabatan ini telah ditempatkan pada Aras 6, Blok K, Pusat Bandar Damansara Kuala Lumpur bersama-sama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1988: 8). Pada masa sekarang Jabatan ini telah ditempatkan di Lot 4029, Jalan Kampong Pandan, 55100 Kuala Lumpur di atas kawasan seluas 18.12 ekar (Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1999: 1).

### 3.1.2. Pentadbiran

Bidang kuasa Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah mengikut keputusan Jemaah Menteri mengenai


penubuhan Kementerian Belia dan Sukan pada Jun 1964; penubuhan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan pada 1976 dan keputusan Kementerian meletakkan Kompleks Belia dan sukan di bawah struktur organisasi Jabatan pada 23.7.1993 (Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1995: 1)

Pada masa ini Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dianggotai oleh 32 orang kakitangan yang diketuai oleh seorang Pengarah bergred S2 (senarai pegawai dan kakitangan seperti lampiran A) (Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, *Op cit*, 1999: 4).

Dengan perkembangan terkini Jabatan ini telah dinaikkan taraf di mana Pengarahnya berjawatan Gred S1 dan mempunyai tiga orang Penolong bergred S3 bermula pada 1 Ogos, tahun 2000. Penempatan pegawai-pegawai Jabatan ini bagi menguruskan aktiviti-aktiviti masyarakat belia di Wilayah Persekutuan adalah mengikut 10 kawasan Parlimen (gambar rajah seperti lampiran B) iaitu Parlimen Batu, Kepong, Wangsa Maju, Segambut, Titiwangsa, Bukit Bintang, Lembah Pantai, Seputeh, Cheras dan Bandar Tun Razak (Temu bual dengan En. Hashim bin Sintol, Penolong Pengarah, pada 5/10/00).

Di bawah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat beberapa bahagian dan unit yang mempunyai pentadbirannya yang tersendiri seperti Bahagian Sokongan, Bahagian Belia, Bahagian Sukan, kawasan dan Bahagian Kompleks Belia dan Sukan. Di bawah Bahagian Belia terdapat beberapa unit seperti; Unit Latihan belia, Unit Ekonomi, Unit Pergerakan Belia dan Unit Rakan Muda. Bahagian Belia ini di ketuai oleh seorang Penolong Pengarah dan dibantu oleh empat orang Penolong Pegawai Belia dan Sukan bagi mengurus unit masing-masing. Carta Organisasinya adalah seperti berikut (*Ibid*);

3.1.3. Carta Organisasi Jabatan Belia Dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000



(D)

(E)

<b>4. BAHAGIAN KAWASAN</b>
<b>LEMBAH PANTAI</b>
Mohd Khairi (S5)
Kosong (S6)
Kosong (N11)
<b>TITIWANGSA</b>
Mohd Sudin Mustafa (S7)
Kosong (S6)
Kosong (N11)
<b>KEPONG</b> (Kepong / Segambut)
Rosly Zainal (S5)
Kosong (S6)
Kosong (N11)
<b>SUNGAI BESI</b> (Bandar Tun Razak/Cheras)
Mohd Khairi Ali (S4)
Nik Marzuki Hj. Nik Mat (S5)
Kosong (S6)
Kosong (N11)
<b>BATU</b> (Batu / Wangsa Maju)
Norzaiti Ujang (S4)
Suhailah Mohd Saat (S5)
<b>BUKIT BINTANG</b>
Azman Arif Shah (S7)
Kosong (S6)
Kosong (N11)
<b>SEPUTEH</b>
W Salim W Ismail (S5)
Kosong (N)

<b>5. KOMPLEKS BELIA &amp; SUKAN</b>
W. Nor Azinah W. Hashim (S4) (Menanggung Kerja (S3)
Kosong (S6)
Mohd Ariff Kichut (N9)
Kosong (N9)
Jamilah Kasman (N11)
Mahimai Rajoo (N11)
Rosli Abdullah (N13)
Bakri Hj. Jusop (N13)
Erwandy Zahudin (N13)
Kosong (N13)
Kosong (R10)
Mohd Nor Ibrahim (R11)
Ibrahim Jusan (R11)
Kosong (R11)
Zainal Abidin Jamrod (R11)
Kosong (R11)

### 3.1.4. Peranan

Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berperanan dan bertanggungjawab untuk mengendalikan program-program Kementerian Belia dan Sukan di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang meliputi bidang belia dan Sukan (Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, *Op cit*, 1995: 1).

Bagi mencapai tanggungjawab tersebut, peranan Jabatan ini adalah menjalankan tugas seperti;-

- i. Mempastikan pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan ini ke tahap kecekapan yang maksima.
- ii. Membina masyarakat belia yang berakhlak dan berdisiplin, melahirkan pemimpin dan usahawan belia serta mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran.
- iii. Menggalakan masyarakat menggunakan kemudahan-kemudahan di Kompleks Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iv. Mewujudkan masyarakat yang sihat, cergas dan berwibwa (*Ibid*:8).

Bagi melihat secara lebih jelas peranan dan fungsi bagi setiap bahagian dan unit di bawah Jabatan ini diterangkan seperti mana berikut;

## **1. Bahagian Pengurusan (Sokongan);**

Bahagian ini ialah menguruskan hal-hal berkaitan pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan dan kewangan. Selain itu ia juga membantu mempermudah perhubungan orang awam dengan Jabatan ini dan merupakan tempat rujukan awal dan terakhir bagi setiap tugas-tugas yang diamanahkan (*Ibid*).

## **2. Bahagian Belia:-**

Bahagian ini mempunyai beberapa unit iaitu Unit Pembangunan NGO, Pembangunan Latihan dan Pembangunan Ekonomi. Unit-unit ini mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri terutama sekali terhadap pembangunan ilmu, pembentukan sikap, pembangunan kemahiran, keusahawanan, pemupukan gaya hidup sihat, kemudahan interaksi sosial, perkongsian dalam pembangunan dan jalinan hubungan antarabangsa. Bahagian ini diketuai oleh seorang penolong pengarah dan tiga orang pegawai belia dan sukan, yang menguruskan unit masing-masing yang mempunyai fungsi dan peranan di dalam mengembangkan program-program belia yang mempunyai sasaran umur di antara 15 tahun hingga 40 tahun (*Ibid: 25*).



Peranan yang dimainkan oleh unit-unit tersebut adalah;-

### 2.1 Unit Pembangunan NGO (Pergerakan)

Unit Pembangunan NGO berperanan untuk melahirkan belia-belia yang mempunyai peribadi yang sempurna ke arah meningkatkan taraf kepimpinan yang matang serta penglibatan berkesan dalam perancangan dan perpaduan negara. Unit ini menjalankan dua fungsi utama iaitu Pembangunan Organisasi dan Pembangunan Kepimpinan dan Sahsiah (*Ibid*). Peranan bagi kedua-duanya adalah seperti berikut;-

- i. Pembangunan Organisasi berperanan untuk membantu penubuhan persatuan belia supaya bergiat aktif secara sukarela dan berterusan, memberi pengiktirafan belia sempena Hari Belia Negara dan menjadi urusetia bersama Majlis Perundingan Belia Negara.
- ii. Pembangunan Kepimpinan dan Sahsiah berperanan untuk memberi kepimpinan dasar pembangunan belia negara, menyediakan latihan kepimpinan di peringkat persatuan belia, pekerja muda dan institusi pengajian tinggi serta melaksanakan aktiviti pembangunan kerohanian dan sahsiah (*Ibid*: 26).

## 2.2 Unit Latihan

Unit Latihan adalah bertanggungjawab untuk mewujudkan seberapa ramai belia yang mempunyai kemahiran sesuai dan selaras dengan matlamat negara kearah mencapai pembangunan negara. Bagi tujuan tersebut, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke 7 sebanyak lapan buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang baru akan dibina di samping peningkatan taraf kemudahan dan kapasiti bagi enam buah IKBN yang sedia ada. Pada tahun 2000 adalah dijangkakan seramai 10,000 orang belia yang berkemahiran dalam berbagai bidang diperlukan, tetapi IKBN yang sedia ada hanya dapat menghasilkan seramai 2,500 sahaja. Oleh itu bagi mencapai matlamat tersebut, Unit Latihan Belia telah merancang beberapa program yang bertujuan bagi mewujudkan seberapa ramai belia yang berkemahiran.

## 2.3 Unit Ekonomi

Unit Ekonomi adalah untuk mengendalikan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Unit ini juga berperanan untuk memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan belia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (*Ibid: 70*).

## 2.4 Unit Rakan Muda

Unit Rakan Muda diperkenalkan oleh kerajaan pada 29 Oktober 1994. Unit ini berperanan untuk membentuk generasi belia yang lebih cemerlang dalam aspek sosial, ekonomi dan politik melalui program-program yang teratur dan tersusun. Program-program yang diatur adalah meliputi pemantapan sosial yang menggabungkan aktiviti pembangunan minda, kecergasan fizikal dan pembangunan rohani secara lebih bersatupadu (*Ibid*).

## 3. Bahagian Sukan

Peranan bahagian ini ialah untuk membentuk masyarakat sihat, berdisiplin, memenuhi keperluan asasi sosial, Psikologi dan fisiologi, meningkat pengetahuan dan amalan sukan, mencapai kecemerlangan ke tahap tertinggi dengan semangat kesukanan pada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa melalui penyertaan yang lebih luas dan peluang yang lebih baik dalam sukan di semua peringkat masyarakat (*Ibid*: 115).

#### **4. Bahagian Kompleks Belia dan Sukan**

Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga mempunyai sebuah Kompleks Belia dan sukan. Kompleks ini terletak di atas kawasan seluas 18.12 ekar bertujuan untuk menggalakkan perkembangan pembangunan belia dan sukan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan latihan sukan, rekreasi, kecergasan dan kesenian, tempat berkursus, asrama, kafeteria, tempat bermesyuarat dan berhimpun bagi melaksanakan aktiviti belia dan sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (*Ibid*: 138-139).

#### **3.2. Program-Program Jabatan Belia Dan Sukan Kuala Lumpur.**

Sebagai sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melaksanakan beberapa program seperti mana yang dikendaki oleh Kementerian ini mengikut bahagian dan unit masing-masing sepertimana berikut;-

##### **3.2.1. Program-Program Umum Mengikut Bahagian atau Unit;**

##### **1. Unit Pergerakan dan Pembangunan NGO;**

Unit ini berperanan untuk melaksanakan beberapa program bagi melahirkan generasi belia yang sempurna dan meningkatkan taraf pembangunan kepimpinan dan sahsiah. Di antara program-progrmanya ialah program khidmat sosial, ibadat Qurban, program forum perdana, program bela negara, konvensyen Maulid al-Rasul, seminar Israk dan Mikraj, ceramah awal Muharram, program konvensen belia negara, khemah kerja patriotik, bengkel pengurusan persatuan, kursus pengurusan program, diskusi Israk Mikraj, program keluarga angkat dan rancangan kapal belia Asia Tenggara (*Ibid: 27-30*).

## **2. Unit Pembangunan Latihan Belia**

Peranan unit ini ialah menjalankan beberapa program yang bertujuan untuk melahirkan para belia yang berkemahiran teknikal, berdisiplin, berpengetahuan bidang perniagaan dan memberi peluang kerjaya belia. Unit ini melaksanakan program-program seperti; latihan sambil bekerja, kursus dorongan latihan, Seminar Kerjaya sehari, temuduga pelatih, kursus kemahiran tidak formal di kompleks belia dan sukan negeri-negeri (*Ibid: 43*).

### **3. Unit Ekonomi**

Unit ini adalah berperanan untuk mengendalikan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Di antara beberapa kegiatannya ialah melaksanakan program-program seperti; pinjaman tabung ekonomi belia, kursus-kursus masakan, jahitan, hiasan, asas perniagaan dan literasi komputer (*Ibid: 70-93*).

### **4. Unit Rakan Muda**

Unit Rakan Muda bertujuan melaksanakan program-program berbentuk sosial yang menggabungkan aktiviti pembangunan minda, kecergasan fizikal dan pembangunan rohani melalui sembilan gaya hidup seperti; rakan sukan, rakan masyarakat, rakan kecergasan, rakan seni budaya, rakan wirausaha/wiramahir, rakan cinta alam, rakan rekacipta, rakan rekreasi dan rakan waja diri (*Ibid: 94-112*).

### **5. Bahagian Sukan**

Bahagian ini berperanan untuk mengadakan beberapa program yang bertujuan untuk membentuk masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatu padu melalui kegiatan sukan. Di antara beberapa program seperti;

menubuhkan Pusat Kecergasan Komuniti (PKK), perkhidmatan latihan sukan dan rekreasi hujung minggu sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bengkel promosi liga Sukan Untuk Semua (SUS), program kecergasan massa dan berjalan untuk negara (*Ibid*: 116).

## **6. Bahagian Komplek Belia dan Sukan**

Bahagian ini berperanan kepada penyediaan sebagai pusat dan kemudahan bagi semua aktiviti belia dan sukan seperti; dua blok asrama, bilik mesyuarat, padang bola, gelanggang terbuka, gelanggang tenis, gimnasium, pusat komunikasi, trek, kafeteria dan pusat latihan atlit (*Ibid*: 140-141).

### **3.2.2. Program Bina Sahsiah Belia Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

#### **3.2.2.1. Pengenalan Program**

Program Bina Sahsiah Belia telah diperkenalkan oleh YB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin b. Haji Mohd Yassin, Menteri Belia dan Sukan pada tahun 1996. Program yang bercorak agama ini bertujuan untuk membantu belia-belia Islam kerana terdapat banyak kes yang berlaku membabitkan keruntuhan akhlak di kalangan mereka. Program ini sebagai tambahan

kepada pelbagai program oleh Kementerian Belia dan Sukan sebelum ini termasuk program Rakan Muda (Temu bual dengan Encik Hashim Sintol pada 2/7/2000) dan (*Berita Harian*: 16/2/96: 2 ).

Program Bina Sahsiah Belia mengandungi tiga bentuk iaitu;-

### **1. Bentuk Latihan:**

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti:

- 1.1. Kursus Asas Kefahaman Islam
- 1.2. Seminar pembangunan Insan
- 1.3. Kem Bina Diri
- 1.4. Program Bina Keluarga
- 1.5. Bengkel Sehari Nilai Murni
- 1.6. Kursus Kader Murni
- 1.7. Kursus Qiadah Remaja (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 1996-2000: 3).

### **2. Bentuk Takwim Belia;**

Program-program ini diadakan sempena hari-hari kebesaran Islam seperti;



- 2.1. Muharram (Ma'al Hijrah)
- 2.2. Maulidurrasul
- 2.3. Isra' Mikraj
- 2.4. Nisfu Sya'ban
- 2.5. Ramadhan
- 2.6. Syawal
- 2.7. Aidil Adha

### 3. Bentuk Penerapan Input Teras

Program-program diadakan melalui;

1. Kursus-kursus latihan kepimpinan
2. Kursus-kursus ekonomi dan keusahawanan
3. Kursus-kursus dan aktiviti sukan untuk semua
4. Kursus-kursus dan aktiviti Rakan Muda (*Ibid*: 8)

#### 3.2.2.2. Objektif

Program Bina Sahsiah Belia mengandungi objektif Umum dan Khusus. Objektif Umum ialah untuk melahirkan belia-belie muslim yang berjiwa agama dan berakhlak mulia sebagai roh atau asas kepada proses

penyediaan penggerak kemajuan negara (*Ibid*).

Objektif Khusus ialah;

1. Untuk memberikan input-input asas keilmuan dan amalan Islam.
2. Menarik dan melibatkan belia dalam aktiviti kemasyarakatan, amalan dan tradisi keagamaan.
3. Menseragamkan input-input agama dalam semua aktiviti belia dan sukan (*Ibid*: 2).

#### 3.2.2.3. **Kumpulan Sasar**

Secara keseluruhannya kumpulan sasar melibatkan belia-belia yang berumur 15 hingga 40 tahun (*Ibid*) yang meliputi 2 juta orang belia-belia Islam di negara ini (*Berita Harian*, 16/2/96: 2 dan 8/8/96: 3).

#### 3.2.2.4. **Perlaksanaan**

Program ini dilaksanakan dalam masa lima tahun bermula 1996-2000. Ia memerlukan kewangan sebanyak RM 25 juta yang dan program ini merupakan kesinambungan program-program agama oleh kementerian Belia dan Sukan sebelumnya. Ia dilaksanakan bukan bermusim, tetapi ia bertujuan untuk membenters gejala sosial dan mempunyai dua bentuk

bertujuan untuk membentaras gejala sosial dan mempunyai dua bentuk yang asas iaitu bentuk latihan dan taqwim Islam (*Ibid*).

Jentera pelaksanaan program dengan kerjasama pelbagai agensi, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang ada kaitan di bidang penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan (*Berita Harian* 8/8/96: 3) seperti; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Pejabat Agama negeri/daerah, Pejabat Penerangan Daerah, Majlis Belia Malaysia, pertubuhan sukarela termasuk persatuan belia dan Pejabat Belia dan Sukan negeri/daerah/kawasan sebagai urusetia. Tenaga penggerak seperti; Pegawai Belia dan Sukan Daerah, Pegawai-pegawai agama peringkat pusat/daerah, guru-guru agama tempatan dan individu yang dikenalpasti (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 1996: 4-5).

Pada umumnya bentuk program bina sahsiah belia mengandungi tiga bentuk yang mempunyai perbezaan perlaksanaannya:-

#### **1. Bentuk Latihan**

Program-program yang di laksanakan yang berbentuk latihan atau kursus ialah:

#### **a. Kursus Asas Kefahaman Islam:**

Kursus ini bertujuan memberi dan menanamkan input-input kepimpinan dari sudut pandangan Islam, sebagai asas pembinaan pemimpin di masa akan datang (*Ibid*).

Objektif program ialah membina dan melahirkan pemimpin belia yang mempunyai daya kepimpinan yang bercirikan nilai-nilai beragama. Kumpulan sasar ialah belia-belia lepasan sekolah yang berumur 17 hingga 25 tahun. Penyertaan peserta seramai 60 orang setiap kursus. Jangkamasa kursus diadakan selama empat hari tiga malam yang mengandungi sebanyak 10 kursus bagi tempoh satu tahun. Kandungan kursus mengandungi tajuk-tajuk seperti; Konsep kepimpinan menurut Islam, manusia sebagai pemimpin/Khalifah, kaitan al-Quran dan Hadith tentang kepimpinan, istilah kepimpinan dalam al-Quran, sifat kepimpinan, tanggungjawab pemimpin, pandangan Ulama tentang kepimpinan dan membentuk dan memelihara kepimpinan (*Ibid*: 3-4).

#### **b. Seminar Pembangunan Insan:**

Seminar ini untuk mendedah dan menerapkan asas aqidah dan

ajaran Islam kepada belia-belia. Matlamatnya ialah membina dan melahirkan masyarakat belia yang beradab dan bermartabat serta bermaruah tinggi seimbang dengan pembentukan negara maju. Kumpulan sasar terdiri daripada pemimpin pertubuhan belia, kakitangan kerajaan dan swasta dan pemimpin-pemimpin pelajar. Jumlah peserta 100 orang dan jangkamasa satu hari yang dilaksanakan dua projek bagi satu tahun. Tajuk-tajuk kertaskerja ialah; Etika kerja dalam Islam, Solah dalam pembentukan peribadi Muslim, Islam sebagai al-Din, akidah Islam dan akhlak dalam Islam (*Ibid*: 9-10).

**c. Kem Bina Diri;**

Kem ini untuk melatih belia-belia dengan amalan-amalan dan asas keilmuan Islam. Kelainan program ini ialah pelaksanaannya yang menggunakan kaedah perkhemahan (*Ibid*).

**d. Program Bina Keluarga;**

Program ini adalah bagi melahirkan rasa sayang pada ibubapa dan keluarga serta memahami tanggungjawab individu dalam pembinaan keluarga bahagia (*Ibid*).

**e. Bengkel Sehari Nilai Murni;**

Bengkel ini bagi menanamkan nilai-nilai murni di kalangan remaja-remaja pekerja kilang yang diharapkan dapat menghindarkan gejala sosial dan keruntuhan akhlak di samping membantu meningkatkan kualiti kerja.

**f. Kursus Kader Murni;**

Kursus ini adalah satu kaedah alternatif untuk mengatasi masalah keruntuhan akhlak di kalangan belia, terutamanya belia bandar. Tumpuan peserta adalah mereka yang berminat dan mempunyai kesedaran untuk membantu dan membimbing belia-belia melalui kaedah keagamaan. Selepas mengikuti kursus mereka akan mewujudkan kumpulan dan membuat susulan untuk menarik belia-belia yang kemudiannya boleh dilatih dan di beri kesedaran keagamaan (*Ibid*).

**g. Kursus Qiadah Remaja;**

Kursus ini bertujuan untuk menanamkan dan nilai-nilai agama, kepimpinan yang mulia, motivasi dan sikap bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan. Kursus ini diadakan dua projek setahun dan dilaksanakan selama empat hari tiga malam. Peserta seramai 40 orang

bagi satu-satu siri yang terdiri dari belia / beliawanis yang berumur 16 hingga 25 tahun. Di antara tajuk ceramah ialah yang menyentuh soal-soal kepimpinan dalam Islam, kepetingan ilmu dalam memimpin, etika kepimpinan dan sebagainya (*Ibid*: 52).

## **2. Program-Program Berbentuk Taqwim Belia;**

Program-Program Taqwim Belia diadakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sempena dengan sambutan perayaan atau bulan-bulan kebesaran dalam Islam. Ia bertujuan untuk melibatkan golongan belia supaya menghidupkan amalan-amalan yang baik bagi bulan-bulan tersebut (*Ibid*).

Program-program tersebut ialah;

### **a. Pertandingan Nasyid Sempena Sambutan Maal-Hijrah**

Objektif program ini ialah memberi kefahaman dan penghayatan belia Islam terhadap Seni Islam serta mengeratkan silatul-rahim antara mereka yang dilaksanakan di peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan (*Ibid*).

Penyertaan peserta terbuka kepada persatuan belia yang berdaftar dengan Jabatan/Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, di mana setiap kumpulan mengandungi seramai 10 hingga 15 orang bagi setiap persatuan. Johan peringkat kawasan berkenaan akan mewakili pertandingan peringkat negeri dan johan peringkat negeri akan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan (*Ibid*: 2-6).

#### **b. Program Pertandingan Berzanji Sempena Maulidur Rasul**

Objektif program ialah mencungkil bakat belia dalam bacaan berzanji dan menghidup serta mempertingkatkan suasana Maulidur Rasul. Program ini dilaksanakan di peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan (*Ibid*).

Peserta dari belia-belie yang berumur 16 hingga 30 tahun sahaja. Jumlah program sebanyak 10 projek di peringkat kawasan dan 1 projek di peringkat negeri dan kebangsaan (*Ibid*).

#### **c. Pertandingan Pidato Sempena Isra' Mi'raj.**

Objektif program ialah membentuk jiwa belia supaya menjadi muslim bertaqwa, memberi kefahaman syiar Islam dan melahirkan



pemidato-pemidato muda yang dapat menyampaikan mesej Islam dengan baik dan berkesan. Penyertaan peserta terbuka kepada belia yang berumur 17 hingga 25 tahun. Pelaksanaan program terbahagi kepada 3 peringkat iaitu peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan yang diadakan sepanjang Bulan Rejab (*Ibid*).

#### **d. Program Imarah Masjid Sempena Nisfu Sya'ban.**

Objektif program ialah menjadikan masjid sebagai tempat penyebaran ilmu pengetahuan dan syi'ar Islam kepada belia seperti mana ajaran Islam. Pelaksanaan program dengan bacaan Surah Yasin dan sebagainya di masjid-masjid yang dikenalpasti dan penyertaan peserta seramai 200 orang belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun yang telah dipilih bagi seluruh negeri (*Ibid*: 13-23) .

#### **e. Program Tadarus al-Quran Sempena Bulan Ramadhan**

Program ini telah dilancarkan oleh kementerian Belia dan Sukan di bawah Program Rakan Masyarakat pada 22 Januari 1995. Program ini dilaksanakan bagi peringkat negeri-negeri sepanjang Bulan Ramadhan sebagai satu usaha untuk menghidup dan membangunkan kegiatan belia dan

seluruh masyarakat terhadap institusi masjid. Ia juga diadakan di peringkat kawasan/daerah dan negeri. Di antara objektif program ialah melahirkan golongan belia yang boleh membaca al-Quran dan sentiasa merindui al-Quran serta menarik lebih ramai golongan ini dan masyarakat umum bagi menceriakan masjid dengan konsep keagamaan. Pengisian program dengan Tadarus al-Quran di awal Bulan Ramadhan di masjid-masjid yang ditentukan. Majlis khatamnya pula diadakan pada akhir bulan Ramadhan bertempat di masjid yang dipilih bagi peringkat negeri yang dihadiri oleh semua peserta peringkat kawasan/daerah (*Ibid*: 24-30).

#### **f. Program Nostalgia Aidilfitri Sempena Hari Raya Puasa**

Sepanjang bulan Syawal diadakan majlis perjumpaan hari raya bagi merapatkan silaturahim dan memperdekatkan pertemuan keluarga dan sahabat yang jauh. Bagi mengingati orang-orang lama yang telah banyak memberi sumbangan dalam bidang tertentu, program “ Nostalgia” juga dapat diadakan yang bertujuan untuk mengingati kembali tokoh-tokoh veteran dan sumbangannya dalam pembangunan Islam melalui sesuatu perjumpaan di peringkat kawasan dan negeri. Nostalgia Aidilfitri akan mempertengahan tokoh-tokoh terkenal tempatan yang telah meninggalkan tempat atau negeri asalnya kerana berkhidmat untuk agama, bangsa dan

negara serta kembali sempena Aidilfiri. Objektif program ialah embolehkan golongan belia, pemimpin belia dan pemimpin masyarakat lama atau baru untuk bertukar-tukar pendapat dan mendapat pengalaman serta dapat menyedarkan generasi muda hari ini (Ibid: 31-45).

#### **g. Program Ibadat Qurban Sempena Aidil Adha**

Objektif program ialah menggalakkan golongan muda untuk turut serta dalam ibadat korban, supaya tidak lupa mengingati dan menjadi iktibar serta tauladan tentang peristiwa pengorbanan Nabi Allah Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail dan menanamkan semangat mereka supaya cintakan agama dan berbakti kepada masyarakat terutama yang tidak berkemampuan. Perlaksanaan program dilakukan oleh seramai tujuh orang melalui satu pertubuhan belia bagi satu kawasan. Bagi setiap binatang korban pihak Jabatan Belia dan sukan akan menanggung separuh pembiyaannya secara Hibbah dan separuhnya lagi di tanggung oleh belia itu sendiri. Penyelenggaraan Ibadat ini dilakukan oleh belia-belia yangberkurban dan dagingnya diagihkan kepada fakir miskin (Ibid: 36-37).

Selain program-program yang dinyatakan di atas program bina sahsiah belia juga menyusun program yang berbentuk penerapan input teras

yang menjadi panduan asas kepada semua aktiviti Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui kursus-kursus dan sukan agar dapat diselaraskan dan dilaksanakan dengan lebih tersusun (*Ibid*: 48-56).

Antara aktiviti yang dilaksanakan berkonsepkan kursus adalah seperti;

- a. Kursus-kursus Kepimpinan Belia
- b. Kursus-kursus Ekonomi dan Keusahawanan
- c. Kursus-kursus dan aktiviti Sukan Untuk Semua dan
- d. Kursus-kursus dan aktiviti Rakan Muda (*Ibid*).

Program ini bertujuan untuk menerapkan input-input agama diintegrasikan dengan lebih terancang dan menetapkan nilai dan amalan keagamaan di kalangan belia yang menyertai setiap program belia. Kaedah pelaksanaan program melalui ceramah, Renungan (kuliah Magrib dan Subuh, latihan amal, petikan/risalah dan sebagainya (*Ibid*).

#### 3.2.2.5. Tempat

Tempat-tempat pelaksanaan semua program di atas adalah di dalam dan di

luar Kuala Lumpur seperti di sekolah, Institut Kepimpinan Belia Negara, kem Belia Negara, Kompleks Belia dan Sukan Negeri dan lain-lain tempat yang difikirkan sesuai oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (*Ibid*: 2-8)

### 3.2.2.6. **Permasalahan**

Di antara permasalahan di dalam pelaksanaan Program Bina Sahsiah ialah masalah;

#### **a. Kewangan**

Menurut Hashim Sintol, di antara masalah yang dihadapi oleh Jabatannya dalam melaksanakan program-program ini ialah kewangan yang tidak mencukupi bagi semua program yang disusun. Ini kerana Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengalami harga perbelanjaan barangan dan alatan adalah tinggi. Sebagai contohnya, dari 15 aktiviti program bina sahsiah belia hanya tujuh aktiviti sahaja dapat dilaksanakan dalam masa satu tahun. Begitu juga, bagi menarik minat para peserta selain makan minum, program perlu dilaksanakan di luar Kuala Lumpur seperti di Pulau Langkawi, Port Dickson dan sebagainya. Keadaan ini memerlukan

kewangan besar bagi menampung pengangkutan, saguhati dan lain-lain lagi (Temu bual dengan Encik Hashim Sintol, Penolong Pengarah, pada 11/1/2001).

Ustaz Suhaimi Yusof mengatakan, peruntukan kewangan menjadi masalah untuk melaksanakan semua yang disusun. Dengan masalah ini program-program yang dirancang di peringkat Kemeterian ini tidak dapat dilaksanakan kerana kewangan tidak mencukupi dan ini menjadi penghalang bagi melaksanakan semua program secara tersusun sepanjang tahun (Temu bual dengan Ustaz Suhaimi Yusof, Peg. Hal Ehwal Islam, Kem. Belia dan Sukan Malaysia, pada 11/1/2001).

#### **b. Perebutan Melaksana Program**

Terdapat juga rebutan daripada pertubuhan-pertubuhan belia (NGO) bagi melaksanakan program-program tersebut kerana berkendakan peruntukan yang disediakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mereka sering lobi melobi bagi tujuan tersebut, kerana dengan peruntukan yang diperolehinya itu, dapat membuat simpanan persatuan. Dengan simpanan tersebut, mereka dapat menggunakannya untuk membayar imbuhan kepada ahli-ahlinya yang aktif dan kepada para sukarelawan yang

banyak membantu melaksanakan program mereka. Sebagai contohnya, jika sesebuah persatuan belia mendapat peruntukan melalui program ini, pihak persatuan itu boleh mengambil sebahagiannya bagi membiayai satu-satu program lain yang telah dirancang oleh persatuannya (Temu bual dengan En. Hashim Sintol, *Op. cit*). Begitu juga Keadaan ini berlaku disebabkan ada sesetengah persatuan belia itu mahukan kewangan semata-mata (Temu bual dengan Ustaz Suhaimi Yusof, *Op. Cit*).

### **c. Sambutan kepada Program Kurang Memuaskan**

Program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat juga kurang mendapat sambutan sepenuhnya dari pihak belia atau pihak-pihak lain. Encik Hashim Sintol, Penolong Pengarah Jabatan ini mengatakan, sambutan yang diberikan oleh peserta kurang memuaskan sekiranya program-program yang diadakan melebihi daripada tiga hari. Sasaran peserta tidak menempti mengikut program yang disusun atau yang ditetapkan. Penilaian peserta juga terletak kepada peresmian dan pengisian program yang terdiri daripada tokoh dan penceramah tertentu yang mereka minati. Isu-isu politik mereka kurang meminati. Di antara contohnya, sering terjadi sesuatu program dilaksanakan oleh Jabatannya kurang mendapat sambutan peserta kerana program yang

diadakan itu diresmikan dan pengisiannya dilakukan oleh orang-orang yang tidak tersohor pada pandangan mereka (Temu bual dengan En. Hashim Sintol, *Op. cit*). Menurut Ustaz Suhaimi juga, program-program yang dirancang itu terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu disebabkan kurang komitmen dari agensi-agensi kerajaan atau badan-badan lain untuk menganjurnya bersama. Program-program yang di susunkan itu tidak berjalan dengan lancar, kerana program-program tersebut dihadiri oleh peserta yang tidak menepati sasarannya seperti umur, pengalaman dan sebagainya. Terkadang isu-isu sensitif mereka kurang meminati terutama bidang-bidang politik, agama dan sebagainya (Temu bual dengan Ustaz Suhaimi, *Op. cit*).

Mengikut kajian ini sendiri terhadap reponden seramai 175 orang belia / beliawanis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati, kurang sambutan responden kepada program-program ini itu 80% mengatakan penyampaian penceramah tidak jelas, 60 % penceramah tidak menarik, 80 % penceramah nampaknya tidak bebas memberi pendapatnya, 20 % tajuk ceramah pernah mereka ikuti dan 80 % masa soal jawab terlalu pendek ( Berdasarkan kajian ini oleh penulis seperti dalam Bab IV dalam bulan November dan Desimber 2000 ).



Selain itu kajian juga mendapati, sebab-sebab yang menjadi masalah bagi belia untuk mengikuti program ini, sebanyak 30.3 % mereka mengatakan terlalu sibuk dengan urusan harian, 12 % terlalu sibuk dengan urusan peribadi, 13.7 % masalah kewangan, 43 % mereka tidak dapat maklumat tentang program ini dijalankan, 46 % mereka memilih penceramah / aktiviti yang mereka suka, 44.6 % masa program ini diadakan tidak sesuai dan 6.9 % mereka tidak berminat dengan program ini. Sebagai contohnya, mengikut pengalaman pengkaji sendiri, jika seseorang penceramah itu sering kali mengelak untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh peserta ke atas satu-satu isu, maka didapati peserta kurang memberi perhatian selanjutnya kepada ceramahnya itu (*Ibid*).

Inilah di antara permasalahan yang ditemui dalam kajian ini yang sering dialami oleh pihak-pihak seperti pihak perancangan di peringkat kementerian Belia dan Sukan, peringkat pelaksana di Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di peringkat para peserta yang menjadi sasaran bagi setiap program ini. Menginsafi permasalahan tersebut, sewajarnya semua pihak memperkuatkan penyusunan program ini, supaya setiap yang dirancang dan akan dilaksanakan itu benar-benar menepati tujuan semua pihak. Dengan ini semoga bagi setiap program yang disusun itu tidak merugikan dan ia akan dapat mempersiapkan generasi muda akan datang dengan pelbagai dimensi.